


MINIT MESYUARAT PROTEM KALI KE 2

Tarikh : 20 September 2008
Masa : 10.25 pagi
Tempat : Gazebo Senja
Kehadiran : 40 orang
Sila lihat lampiran



1. Ucapan Pembukaan

- 1.1 Naib Setiausaha, Azhar Aziz mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua ahli yang hadir. Memaklumkan tentang agenda mesyuarat pada pagi ini. (sila lihat lampiran notis mesyuarat)

2. Ucapan Pengerusi

- 2.1 Sdr. Zainal, selaku Pengerusi Protem mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang hadir.
- 2.2 Beliau juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada penduduk yang sudi berkorban tenaga, masa dan juga wang ringgit demi untuk melaksanakan rondaan malam (RT) yang diketuai oleh Sdr Azwan (where) sejak seminggu yang lepas. Beliau juga mengingatkan tentang perlunya RT bagi mencegah kejadian yang tidak diingini.
- 2.3 Sdr. Zainal berharap, dengan perlantikan Ketua Blok pada hari ini, akan dapat melicinkan perjalanan RT dengan tanggungjawab diberikan kepada mereka untuk memastikan ahli pasukan mereka cukup ketika tiba giliran bertugas.

3. Laporan Ketua Biro Keselamatan

- 3.1 Sdr Azwan (where) yang telah dilantik bagi mengetuai Biro Keselamatan telah membentangkan laporan RT yang telah dijalankan sepanjang seminggu yang lepas.
- 3.2 Beliau memaklumkan yang 3 hari lepas, ada cubaan orang luar untuk masuk ke kawasan Embun yang berhampiran dengan hutan. Walaubagaimanapun selepas melihat pasukan RT, mereka telah melarikan diri.
- 3.3 Kawasan yang kritikal dan perlu perhatian adalah di sebelah Senja dan Tilia yang didalam pembinaan.
- 3.4 Berharap agar lebih ramai lagi penduduk AB yang pindah masuk.

4. Cadangan 'Security Guard' bersempena dengan cuti Hari Raya

- 4.1 Sdr Zainal memaklumkan bahawa perlunya kita melantik 'security guard' bagi menjaga keselamatan di kawasan AB sepanjang seminggu cuti Hari Raya.
Cadangan A - 8 orang dengan harga RM80 bagi sebuah rumah
Cadangan B - 6 orang dengan harga RM60 bagi sebuah rumah.
- 4.2 Sdr Guna memaklumkan yang perlunya kita mengambil cadangan yang murah pada peringkat permulaan ini.
- 4.3 Sdr Zamsari bertanyakan tentang skop kerja bagi pengawal keselamatan ini dan Sdr Pengerusi memaklumkan yang skop terperinci akan diberikan selepas perlantikan pengawal keselamatan dibuat.
- 4.4 Majlis telah sebulat surat bersetuju untuk menerima Cadangan B

5. Perlantikan Ketua Biro

5.1 Majlis sebulat suara telah bersetuju dengan senarai Ketua Biro sebagaimana berikut :

- i. Ketua Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan – Zulkefly
- ii. Ketua Biro Keselamatan – Azwan (where)
- iii. Ketua Biro Sukan dan Rekreasi – Azman (zincofer)
- iv. Ketua Biro IT – Isman (myseeker)
- v. Ketua Biro Hal Ehwal Wanita – Norsiah (nurnas)

6. Perlantikan Ketua Blok

Senarai Ketua Blok adalah seperti berikut :

Ketua Blok Lorong 70	- Idham
Ketua Blok Lorong 71	- Najib
Ketua Blok Lorong 74/74A	- Md. Nor
Ketua Blok Lorong 69/69A	- Roslin
Ketua Blok Lorong 73A	- Ya Muhammad
Ketua Blok Lorong 73B	- Azizi

7.0 Sumbangan DANA

- 7.1 Sdr Alias (jube) memaklumkan bahawa satu dana perlu dibuat khusus untuk menampung perbelanjaan aktiviti ABRA terutama sekali bagi membeli peralatan rondaan.
- 7.2 Maklumat mengenai pengumpulan dana akan dimaklumkan didalam forum nanti.

8.0 Perkara Berbangkit

- 8.1 Sdr Zainal meminta setiap Ketua Blok perlu memilih atau melantik pembantu masing-masing bagi melicinkan tugas mereka.
- 8.2 Menyusun kembali jadual tugas RT supaya tidak bertindih dengan jadual kerja penduduk.
- 8.3 Perlu memaklumkan lebih awal kepada Ketua Blok sekiranya tidak dapat bertugas pada masa tersebut.
- 8.4 Pemasangan lampu belakang adalah digalakkan bagi membantu dan memudahkan anggota RT menjalankan rondaan.
- 8.5 Membuat pertanyaan kepada pihak pemaju, sekiranya mereka boleh menambah bilangan pekerja kawalan keselamatan untuk penduduk.
- 8.6 Mempercepatkan pendaftaran ABRA bagi mudah dan melicinkan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan penduduk Alam Budiman.
- 8.7 Cadangan untuk membuat sticker kereta (pemasangan dicerminkan hadapan) bagi mengawal kemasukan kereta ke AB. Mencadangkan agar tidak membenarkan kereta yang tiada sticker AB masuk ke kawasan AB selepas jam 10 malam.

- 8.8 Sdr Zainal memaklumkan tentang cadangan untuk membuat grill dilorong belakang. Sdr Zul menyatakan yang cadangan tersebut tidak praktikal berdasarkan kepada rekabentuk pagar yang dibina. Walaubagaimanapun, satu titik penyelesaian akan dicari demi kebaikan semua pihak.
- 8.9 Sdr Syukran bertanyakan berkenaan dengan 'late charges' dan beliau telah dimaklumkan supaya selalu membuat susulan bagi memastikan pihak penguam dan bank menjalankan tanggungjawab mereka dengan cepat.
- 8.10 Sdr Zulkefli mencadangkan Jamuan Hari Raya untuk warga AB.

8. Ucapan Penangguhan

Sdr Pengerusi melahirkan harapan untuk melihat ABRA akan terus maju dan mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh semua ahli yang hadir. Beliau berharap agar semua warga AB dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Majlis ditamat dan ditangguhkan pada jam 11.50 pagi

Disediakan oleh ;



Azhar Aziz
Naib Setiausaha ABRA ProTem

Dipengerusikan oleh ;



Zainal
Pengerusi ABRA ProTem